

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: PPA UUM COB
Sent: Wednesday, August 8, 2018 12:41 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Hendrik bin Lamsali; Wan Norazlinda binti Wanchik
Subject: Taklimat Pra Pelepasan Pelajar Mobiliti Outbound sesi A181



Nurturing Future Leaders, Expanding Opportunities

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

08 OGOS 2018 / 26 ZULKAEDAH 1439H

=====

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TEKEMUKA”
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum & salam sejahtera

Taklimat Pra Pelepasan Pelajar Mobiliti Outbound sesi A181



PPA COB ONLINE: Taklimat Pra - Pelepasan Program Mobiliti *Outbound* bagi Sesi A181 bersama Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, UUM College of Business (PPA UUM COB) telah dijalankan pada 29 Julai 2018 bertempat di bilik Mesyuarat Kedah, SBM.

Taklimat yang disampaikan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali, Dekan PPA COB berlangsung selama dua jam bertujuan menyalurkan maklumat berkaitan persediaan sebelum, semasa dan selepas selesai program.

Turut sama dijemput ke taklimat tersebut adalah ibubapa atau penjaga kepada pelajar-pelajar terpilih bagi memberi ruang kepada waris untuk berinteraksi atau mengemukakan sebarang persoalan kepada pengurus PPA COB sebelum tanggungan mereka menjalani program mobiliti ke luar negara.

Dr. Hendrik dalam sesi taklimat juga turut berpesan kepada pelajar supaya menunjukkan contoh yang terbaik bukan sahaja dari segi sahsiah malahan akademik. Pelajar yang terpilih ini merupakan duta UUM juga Malaysia ke universiti luar negara, oleh itu mereka haruslah menjaga nama baik universiti dan Negara serta berusaha mencapai prestasi yang cemerlang.

Di akhir taklimat, beliau turut mengucapkan tahniah kepada pelajar yang terpilih dan berharap akan lebih banyak peluang seperti ini diberikan kepada pelajar khususnya pelajar UUM COB kerana dengan menyertai program mobiliti ini pelajar bukan sahaja berpeluang mempelajari budaya yang berbeza bahkan berpeluang merasai pengalaman suasana pembelajaran yang berbeza.

Turut hadir Timbalan Dekan PPA COB Prof. Madya Dr. Siti Zubaidah Othman dan staf PPA COB.

Habis

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah
☎ 04-928 6610
📠 04-928 6606
Website: <http://uumpacob.uum.edu.my>
Facebook: www.facebook.com/PPACOB



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.